



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI ALAM SEKITAR KANAN (B.3)  
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI ALAM SEKITAR KANAN  
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Environmental Science* / *Environmental Studies* / Kejuruteraan Alam Sekitar atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.  
ii) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Bagi yang tidak mempunyai ijazah hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding selama tidak kurang 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab ke atas satu Bahagian dalam Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi;
2. Menyelaras dan mengurus pelaksanaan tugas-tugas yang berkaitan dengan Perancangan dan Pengurusan Alam Sekitar Antarabangsa bagi perkara-perkara seperti berikut:
  - i) Menguatkuasa Akta dan Peraturan Alam Sekitar;
  - ii) Memantau Pencemaran Alam Sekitar dan menilai keadaan alam sekitar;
  - iii) Pengurusan bahan dan sisa toksik dan berbahaya;
  - iv) Mempromosi teknologi, perkhidmatan dan amalan mesra alam sekitar;
  - v) Menggubal piawaian, garis pandu dan prosedur alam sekitar;
  - vi) Menilai laporan kesan alam sekitar bagi kemajuan yang ditentukan;
  - vii) Menjalankan dan menyelaras penyelidikan dan kajian alam sekitar;
  - viii) Membentuk dan melaksanakan pelan tindakan kesedaran alam sekitar;
  - ix) Melaksanakan dasar, strategi, pelan tindakan dan projek RKN;
  - x) Menerbit Laporan Alam Sekitar;
  - xi) Menyelaras penyertaan dan penglibatan Negara dalam inisiatif alam sekitar di peringkat sejagat, serantau dan dua hala;
  - xii) Menyelaras dan menyelia penggubalan dan pelaksanaan program, projek dan aktiviti kebangsaan bagi memenuhi obligasi dan inisiatif antarabangsa, serantau dan dua hala; dan
3. Menerima arahan dari semasa ke semasa daripada pihak atasan.